

**Article Info:**

Published Date: 27 June 2022

\*Corresponding Author: izzal@fskik.upsi.edu.my

## **ANALISIS NARATIF TERHADAP ISU DAN TEMA DALAM KARYA RUZZEKI HARRIS**

### *Narrative Analysis on Issue and Themes towards Ruzzeki Harris Body of Work*

**Izzal Khairi Ramli<sup>1</sup>, Abdul Aziz Zalay @ Zali<sup>2</sup>,  
Mohd. Fauzi Sedon @ M. Dom<sup>3</sup>, Noor Enfendi Desa<sup>4</sup>, Fareez Vincent Amos<sup>5</sup>**

<sup>1,2,3,5</sup>Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

<sup>4</sup>Pengajian Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara, Kampus  
Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

**To cite this article (APA):** Ramli, I. K., Zalay @ Zali, A. A., Sedon @ M. Dom, M. F., Desa, N. E., & Amos, F. V. (2022). Narrative Analysis on Issue and Themes towards Ruzzeki Harris Body of Work. *KUPAS SENI*, 10(1), 1-11. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.1.1.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.1.1.2022>

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menterjemah suatu justifikasi penyelidikan berlandaskan isu dan trend fenomena sosial internet menerusi amalan praktis bidang seni halus. Isu fenomena sosial internet mutakhir ini sentiasa topik perbincangan dan menimbulkan polemik dalam kalangan masyarakat umum. Naratif ini menjadi intipati tema kepada pelukis catan kontemporari Malaysia iaitu Ruzzeki Harris dalam mengadaptasi peristiwa, budaya, sifat popular, sensasi atau subjek serta objek merangkumi figura yang berkaitan dengan fenomena semasa. Metodologi yang diaplikasikan adalah melalui pendekatan oleh Sandell sebagai suatu alternatif dalam memahami secara pratikal naratif kandungan imejan visual menerusi bentuk, tema dan konteks penciptaan karya seni. Terdapat tiga terma telah digariskan untuk mencipta lapisan makna dari tatabahasa visual merangkumi rupa bentuk (*form*), tema (*theme*) dan konteks (*context*). Data kajian dianalisis menerusi lima buah karya oleh Ruzzeki Harris yang merangkumi tiga buah pameran solo beliau iaitu 'Gone Viral' pada tahun 2015, 'Possessed: A Series of Visual Critiques' tahun 2016 dan 'Playing God' tahun 2017. Dapatan kajian menunjukkan tiga terma utama yang dikemukakan dapat membantu penyelidik dalam proses analisis naratif yang meliputi integrasi hubungan rupa bentuk dengan tema, integrasi hubungan tema dengan konteks dan integrasi hubungan konteks dengan rupa bentuk. Cetusan isu dan tema fenomena sosial internet dikalangan masyarakat akan sentiasa berubah mengikut konteks dan arus semasa khususnya melibatkan kemudahan platform media sosial. Begitulah juga dengan peranan sebagai seorang pelukis catan kontemporari bagi merepresentasi semula naratif isu ini sebagai suatu bentukan karya kritikan sosial dalam konteks seni catan kontemporari di Malaysia.

**Kata kunci:** Analisis Naratif, Fenomenologi, Seni Visual, Pelukis Kontemporari

## **ABSTRACT**

*This study aims to translate a research justification based on the issues and trends of internet social phenomena through practical practice in fine arts. The issue of the latest internet social phenomenon is always a topic of debate and causes controversy among the general public. This narrative is the essence of the theme for the Malaysian contemporary painter Ruzzike Harris in adapting events, culture, popular characteristics, sensations with subjects include objects or figures related to the current phenomenon. The methodology applied is through Sandell's approach as an alternative to understanding practically the narrative content of visual imagery through the form, theme and context of the artwork creation. There are three terms outlined to create a layer of meaning from visual grammar including form, theme and context. The research data is analyzed through five works by*

*Ruzzeki Harris which includes three of his solo exhibitions namely 'Gone Viral' in 2015, 'Possessed: A Series of Visual Critiques' in 2016 and 'Playing God' in 2017. The findings of the study show three terms as a main points to help researchers in narrative analysis process that includes the integration of the relationship between the appearance of the form and the theme, the integration of the relationship between the theme and the context and the integration of the relationship between the context and the appearance of the form. The emergence of issues and themes of internet social phenomena among the community will always change according to the context and current trends, especially involving the convenience of social media platforms. The same case with the role of a contemporary painter to re-represent the narrative of this issue as a form of social criticism in the context of contemporary painting in Malaysia.*

**Keywords:** *Narrative Analysis, Phenomenology, Visual Art, Contemporary Artists*

## **PENGENALAN**

Naratif membawa maksud penceritaan atau kisah yang mencerminkan tentang peristiwa dari suatu pengalaman yang membentuk kaedah komunikasi terutamanya dalam konteks tradisi lisan (Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Menurut pandangan Roland Barthes dalam Sitzia (2016) naratif adalah suatu perkara yang wujud dalam setiap masa, pada semua tempat, dalam segenap lapisan masyarakat, kelas atau kumpulan manusia yang secara keseluruhan mempunyai kisah mereka tersendiri. Sebagai contoh, sifat naratif dalam konteks sesebuah filem telah digerakkan menerusi kronologi peristiwa yang berlandaskan sebab akibat serta menjadi tunjang dalam aspek kesinambungan plot peristiwa keseluruhannya (Shukri & Abdullah, 2016). Sementara itu dalam konteks karya seni pula, naratif mempunyai dimensi yang berbeza dalam konteks penggunaan simbol visual, naratif simbolik menerusi unsur seni dan makna secara tersirat yang difahami oleh khalayak umum yang melihatnya (Desa, Muhamad, Bakar & Tahir, 2021). Justeru itu, makna naratif ini boleh dipertimbangkan menerusi maksud asalnya atau secara relatif dalam konteks pengkhususan bidang kajian yang diperhalusi dalam analisis kajian ini.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini khususnya menerusi platform media sosial menjadi tunjang kepada fenomena kewujudan sebuah topik isu yang tiba-tiba menjadi viral secara mendadak pada setiap hari (Khasanah & Mansoor, 2020). Oleh itu, kaedah analisis naratif dalam kajian ini adalah bersandarkan manifestasi isu dan tema fenomena sosial internet dalam karya seni catan oleh pelukis kontemporari Malaysia. Sandaran ini dilihat kepada kupasan karya pelukis yang mengadaptasi isu dan tema pernyataan karya dari isu semasa yang viral di platform media sosial melalui imej, gambar, teks, audio atau video yang tular pada sesuatu ketika. Perihal kandungan dari perihal peristiwa viral ini telah dijadikan intipati tema pengkaryaaan menerusi subjek dan objek benda yang ditampilkan menerusi karya seni catan. Hal ini juga dilihat pada olahan dari garapan sumber teks dan petikan ungkapan juga diangkat menjadi sebahagian unsur formalistik karya selain menerusi ekplorasi bahan dan teknik yang disampaikan. Selanjutnya adalah berkisar dengan pernyataan visual personaliti individu viral yang diketengahkan sebagai refleksi kritikan sosial terhadap isu yang menjadi tumpuan, ikutan dan perkara popular serta berbangkit dari interaksi masyarakat awam. Oleh yang demikian, matlamat kajian ini dijalankan adalah bagi menjelaskan suatu justifikasi penyelidikan berlandaskan isu dan trend fenomena sosial internet menerusi amalan praktis bidang seni halus. Penampilan analisis naratif karya catan dari pelukis muda kontemporari Malaysia iaitu Ruzzeki Harris diharap dapat membantu penyelidik seterusnya dalam menghuraikan rupa bentuk, tema dan konteks dalam seni catan kontemporari Malaysia.

## **Latar Belakang Kajian**

Berdasarkan kajian lepas, teori naratif telah digunakan sebagai suatu kerangka kerja penyelidikan kepada pelawat muzium seni kontemporari bagi memperoleh pemahaman,

pembelajaran serta penerokaan perspektif baharu dalam membuat interpretasi makna karya dengan lebih baik (Sitzia, 2016). Sementara itu, menurut Edrward Branigan dalam Shukri dan Abdullah (2021) kandungan elemen naratif dalam sesebuah filem dapat dianalisis menerusi tiga aspek yang merangkumi ruang, masa dan sebab akibat yang diperincikan dalam plot cerita yang berkait dengan watak yang diketengahkan pada permulaan, pertengahan serta bahagian penamat cerita. Walaubagaimanapun, menurut Desa et al. (2021) dalam kajian tentang asas apresiasi seni dari perspektif formalistik, rupa dan makna, menjelaskan bahawa sesebuah karya seni perlu difahami terhadap gaya, idea dan konteks karya itu disampaikan. Lazimnya tafsiran karya seni akan menggunakan teori oleh Edmund Burke Feldman menerusi empat langkah asas merangkumi deskripsi, analisa, interpretasi dan penilaian akhir keseluruhan karya. Namun demikian, pendekatan kajian ini lebih menjurus kepada pengadaptasian hujahan oleh Sandell (2009) tentang persoalan rupa bentuk, tema dan konteks karya dalam memahami kesinambungan antara seni, imejan, objek yang berkait dengan peristiwa semasa dan masa lalu dalam kehidupan seharian. Hal ini adalah bersesuaian dengan konsep analisis naratif yang dirujuk melalui isu dan tema yang berkait dengan fenomena sosial semasa.

### **Fenomenologi dan fenomena viral**

Fenomenologi adalah merupakan anggapan umum yang memberi penumpuan pada pengalaman peribadi atau individu dalam memahami dan menginterpretasi makna atau sesuatu yang dialami manusia dalam dunis sekelilingnya (Mefita & Yulianto, 2018). Fenomenologi juga boleh ditakrifkan sebagai penerangan, perbualan, atau sains tentang sesuatu fenomena atau sesuatu yang nyata (Sundawa & Trigartanti, 2018). Takrifnya, fenomenologi adalah ilmu berorientasikan untuk mendapatkan penjelasan tentang realiti dari fakta yang tampak. Ia adalah refleksi dari realiti yang berlaku dan memiliki makna yang memerlukan pentafsiran lebih lanjut untuk mengetahui hakikat sebenar yang berlaku dalam kehidupan seharian. Menurut Othman (2018) fenomenologi bermaksud kajian penyelidikan tentang sesuatu fenomena. Ia merupakan suatu kerangka teori yang menekankan kajian pengalaman harian mempengaruhi dan membentuk perilaku manusia. Justeru fenomena viral dalam kajian ini adalah mungkin akan berkaitan tentang peristiwa, situasi, pengalaman ataupun menjadikannya suatu konsep baru. Untuk merungkai persoalan ini perlulah kita kenal dan faham akan isi kandungannya. Motif idea dan faktor terjadinya kandungan viral amat penting untuk mengenalpasti bagaimana perkara viral ini wujud melalui kaedah memviralkan atau diviralkan. Isu Motif idea adalah berkenaan memahami situasi sebenar asas tujuan, mesej atau penyebab utama faktor mengapa memviralkan atau diviralkan sesuatu perkara.

Fenomena viral atau budaya tular ini adalah dipengaruhi oleh interaksi tingkah laku manusia dengan kemajuan sektor teknologi komunikasi selaras dengan kemudahan media sosial serta aplikasi digital internet. Budaya baharu ini seolah-olah menjadi penentu kepada kebenaran sesuatu isu yang mudah diketahui ramai dalam bentuk suasana yang positif mahupun negatif berbanding akal pemikiran waras (Adabi, 2019). Menurut Gladwell dalam Khasanah dan Mansoor (2020) sebuah fenomena viral seperti internet *meme* menjadi popular dalam saluran interaktif media sosial berdasarkan tiga ciri iaitu soal penyebaran, perkara kecil yang memberi impak besar dan berkembang pesat atau cepat. Hal viral ini adakalanya boleh berlaku tanpa diduga atas sebab musabab yang tidak dijangka secara amnya walaupun kini konsep sebaliknya juga menjadi asbab kepada kriteria bagi meraih perhatian umum masyarakat. Menurut Adabi (2019), konsep langit terbuka dan dunia tanpa sempadan kini sudah menjadi budaya sejagat selaras dengan kemajuan teknologi komunikasi, namun bagi isu fenomena viral ini perlulah ada konsep semak dan imbang yang waras serta bertanggungjawab ke atas penerimaan, perkongsian dan penyebaran kandungan yang tular dalam atau luar talian.

## **Isu dan Tema dalam Seni Visual Kontemporari**

Seni visual kontemporari membawa maksud sifat suatu refleksi atau cerminan interaksi karya yang mewakili situasi, gejala atau variasi fenomena masyarakat menerusi bidang ekonomi, teknologi dan kebudayaan (Ismail & Jusilin, 2020). Dalam pada itu, menurut Turner dalam Ismail dan Jusilin (2020) menjelaskan bahawa seni visual kontemporari adalah suatu hasil karya yang lahir dari pertembungan situasi masa lalu, masa kini dan masa hadapan. Justeru itu, pernyataan masalah yang cuba dirungkaikan menerusi kajian ini juga adalah berkenaan suatu refleksi penggunaan isu dan tema fenomena sosial internet atau viral menerusi olahan eksposisi karya seni visual yang mencerminkan konteks sosiobudaya dan era kontemporarinya. Eksposisi memberi tafsiran tentang adalah suatu pertunjukan, hasil keluaran, kerja pameran, hasil kerja tangan dan pernyataan yang merujuk kepada komen serta penjelasan bertulis dan sistematik tentang sesuatu perkara (Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Menurut pendapat Ferguson dalam Sitzia (2016) pameran seni telah menjadi epitome atau lambang intelektual dan manifestasi budaya terkini dengan kiasan, provokatif atau naratif sesuatu fenomena tertentu. Sebagai contoh antara pelukis kontemporari tempatan yang konsisten mengangkat naratif penceritaan tema media sosial dan internet adalah Haris Abadi menerusi pameran solo bertajuk “Cosmic Playground” pada tahun 2017 dengan mempersembahkan variasi bentuk 15 karya merangkumi catan, arca, multimedia, instalasi dan cetakan (Zailuddin, Datoem, Abdillah, Ibrahim & Abdillah, 2021). Seterusnya boleh dirujuk menerusi karya Noor Azizan Rahman Paiman yang bertemakan media massa dengan dokumentasi kesinambungan petikan teks dari akhbar yang berkait dengan isu, peristiwa dan gelagat politik tanah air (Zailuddin et al., 2021). Ia juga merupakan sebuah pameran solo Paiman bertajuk “Malaysia 365 Day of 2008” di Wei-Ling Gallery dengan penampilan 365 buah karya yang diadaptasi dari petikan teks akhbar setiap hari pada tahun 2008.

Manakala sebahagian karya oleh Fawwas Sukri pula menterjemahkan pelbagai isu dan tema persoalan gejala sosial yang diekspresikan menerusi tanda perlambangan dan simbol budaya melayu, budaya popular dan pengalaman peribadi sebagai cetusan kritikan sosial dari soal sifat kemanusiaan (Ismail & Jusilin, 2020). Sementara itu, Masnoor Ramli Mahmud juga menampilkan karya bertajuk “Moulding the History: Grey Area in a Grey Sky” pada tahun 2014 yang bertemakan isu semasa yang berkait dengan insiden viral dari pihak yang cuba membantu secara magis atau ritual tradisional atas kehilangan pesawat MH370 sekali gus menarik perhatian seluruh dunia. Menurut Khan (2014) perilaku personaliti figura awam yang digelar raja bomoh sedunia diadaptasi semula bersama seorang budak lelaki bertutup mata disisinya dalam catan Masnoor. Gambaran ini sebagai sindiran sinis kepada usaha yang sia-sia sekaligus menimbulkan kekeliruan masyarakat apabila dipertontonkan di media sosial. Jika ditinjau pada huraian tentang garapan naratif isu dan tema dalam seni visual kontemporari menerusi penampilan cadangan pelukis tempatan yang dinyatakan adalah menerusi kecenderungan pelukis atau karyanya yang termaktub dalam ruang litupan konteks permasalahan yang diperhalusi dalam kajian ini. Namun demikian, kriteria ini juga difokuskan kepada jenis pameran dan karya yang dikemukakan secara konsisten bagi menyentuh naratif yang berkait dengan isu dan tema fenomena viral secara menyeluruh. Oleh yang demikian karya Ruzzeki Haris telah menjadi pilihan bagi memperbincangkan naratif karya beliau yang secara dominan menerapkan isu berkenaan dalam pameran solo dan berkumpulan yang dijalankannya pada bahagian berikutnya. Justeru itu, naratif karya oleh Haris Abadi, Noor Azizan Rahman Paiman, Fawwas Sukri dan Masnoor Ramli Mahmud adalah sebagai sandaran asas bagi menyatakan suatu pecahan interaksi pelukis dalam mendokumentasikan segala isu dan tema yang memberi kesan kepada bentuk karya, adaptasi tema dan kontekstual karya itu dikemukakan.

## **Ruzzeki Harris: Pelukis Catan Kontemporari Malaysia.**

Kontemporari dalam seni visual boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk konfrantasi atau ruang oleh para seniman menterjemah segala bentuk fenomena semasa, isu dan permasalahan masyarakat dan kebudayaan setempat (Ismail & Jusilin, 2020). Menurut Zailuddin et al. (2021) seni visual kontemporari mempunyai signifikan dalam pembentukan karya oleh pelukis yang peka terhadap isu semasa merangkumi sosial, politik, ekonomi, alam sekitar dan budaya. Dunia seni kontemporari Malaysia berkembang selari dengan konteks naratif isu polemik seni, fenomena sosial atau politik serta arus perubahan ekonomi yang menjadi tunjang kepada estetika dan pengisian makna karya (Berahim, Datoem & Abdillah, 2022). Berdasarkan situasi ini, hasil interpretasi karya dari pelukis catan kontemporari Malaysia iaitu Ruzzeki Harris dipilih sebagai subjek kajian kerana amat bersesuaian dan bertepatan dengan kupasan topik kajian. Ruzzeki Harris telah dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1984. Berlatarbelakangkan pendidikan seni halus dari Universiti Teknologi Mara, beliau secara konsisten menghasilkan karya seni catan yang lebih berunsurkan gaya 'Pop Surrealism'. Selain itu, beliau juga merupakan antara salah seorang pelukis muda yang menjadi perintis kepada gerakan kolektif seni iaitu 'Sebiji Padi' yang menghasilkan karya seni secara berkumpulan yang terdiri lepasan graduan seni halus. Beliau gemar menerapkan elemen satira dan kiasan menerusi isu semasa viral dan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat dengan penyampaian kandungan visual imejan dramatik, variasi ilusi ruang komposisi serta interpretasi petikan teks sebagai panduan kepada tafsiran karyanya (Berahim et al., 2022). Beliau juga memiliki pelbagai anugerah pengiktirafan diperingkat global dan tempatan, melibatkan diri dalam pameran berkumpulan secara aktif serta telah mengadakan enam pameran secara solo dari tahun 2008 hingga 2017. Justeru itu, berdasarkan justifikasi tersebut, penjelasan kajian seterusnya adalah bagi meneroka naratif kupasan karya pilihan oleh Ruzzeki Harris menerusi pendekatan rupa bentuk visual imejan karya, pengisian tema serta bagaimana garapan isu dalam karya dilihat dalam konteks seni catan kontemporari Malaysia.


## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini, penyelidik akan menganalisis karya seni catan terpilih oleh Ruzzeki Harris melalui pendekatan Sandell (2009) sebagai suatu alternatif dalam memahami secara pratikal naratif kandungan imejan visual menerusi bentuk, tema dan konteks penciptaan karya seni. Model ini telah digunakan oleh Ho, Lee, Chen dan Yen (2013) sebagai solusi pendekatan *practice-led research* menerusi peningkatan integrasi pemikiran visual dan verbal pelajar siswazah bagi mendalami makna dan ilmu pengetahuan terhadap karya seni dan reka bentuk. Cadangan kaedah ini juga telah diaplikasikan oleh Radzi, Noh, Abd Razak, Dasuki dan Karimon (2021) dalam kerangka kerja analisis kontekstual bagi memahami karya komik atau kartun bertemakan Covid-19 sebagai perantara visual atau medium satira wadah kesedaran.

Menurut Sandell (2009) terdapat tiga terma telah digariskan untuk mencipta lapisan makna dari tatabahasa visual merangkumi yang pertamanya iaitu bentuk (*Form*) bagi mengidentifikasi bukti visual melalui, format komposisi, elemen seni dan prinsip rekaan, sifat dan kualiti dimensi, saiz dan skala, media dan bahan, proses dan kaedah serta gaya dan stail formalistik. Keduanya adalah tema (*theme*) yang merujuk kepada eksplorasi kesinambungan sumber idea dan kupasan isu dari subjek, sumber visual serta integrasi bidang industri seni dan bidang luaran lain. Seterusnya yang ketiga adalah konteks (*context*) menerusi signifikan dan relavan karya mengikut konteks masa, tempat atau tujuan meliputi identiti diri, sosial, budaya, sejarah, artistik, pendidikan, politik atau kerohanian.

Berdasarkan kenyataan yang diberikan, pendekatan analisis naratif ini juga boleh dirujuk menerusi gambaran pada rajah 1 di bawah yang menunjukkan integrasi hubungan di antara tiga

terma yang ditampilkan iaitu rupa bentuk, tema dan konteks. Bahagian A pada rajah adalah integrasi rupa bentuk dengan tema yang merungkaikan bagaimana bukti visual yang dapat menyokong intipati tema pengkarya. Manakala integrasi bahagian B pula adalah integrasi tema dengan konteks yang menghuraikan bagaimana skop isu pada tema dalam ruang litupan kontekstual karya. Sementara itu, bahagian C pula adalah integrasi konteks dengan rupa bentuk bagi menjelaskan bagaimana cerminan konteks kedudukan sesebuah karya catan dalam seni visual kontemporari.



**Rajah 1.** Analisis Naratif menerusi Integrasi Hubungan di antara Tiga Terma Utama (Diadaptasi dari Sandell, 2009).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pelukis Catan Kontemporari Malaysia yang dominan mengetengahkan tema dan isu berkaitan fenomena dan budaya viral ini adalah Ruzzeki Harris. Gaya formalistik catan beliau adalah lebih berunsurkan Pop Surrealism jika dilihat pada kebanyakan karya yang dihasilkan. Menurut Vogeler (2015), Ruzzeki menterjemah imaginasi kritis jelmaan dari Pop Surealisma yang menyentuh persoalan isu sosial, politik dan budaya popular masakini dalam menjadi ikutan masyarakat khasnya golongan muda remaja. Justeru merujuk kepada karya pertama dalam kajian bertajuk ‘#Duckface’ pada rajah 2 berikutnya. Naratif gambaran visual rupa bentuk karya menunjukkan imejan catan wanita melalui cara swafoto bersama mimik muka gaya duckface yang dilukis secara realistik. Kemudian imej ini ditindan atasnya pada bahagian mulut melalui gaya lukisan seperti kartun yang menyerlahkan sifat kontras pada stailistik karya. Intipati tema karya merungkaikan tentang gambaran sinis dari pemerhatiannya terhadap budaya sosial dan tabiat masyarakat yang terikut-ikut dengan sesuatu aksi dari trend semasa. Karya ini merupakan salah satu karya dari pameran solo beliau bertemakan ‘Gone Viral’ yang dipamerkan di Wei-Ling Gallery, Kuala Lumpur pada tahun 2015. Dalam konteks pameran ini beliau telah menterjemahkan pandangan kritisnya menerusi isu budaya viral dengan penampilan variasi objek domestik mewah, figura dan simbol buah serta disulami dengan komposisi teks yang merakam tanda visual yang aneh atau seperti dari alam mimpi (Vogeler, 2015).



**Rajah 2.** Ruzzeki Harris. “#Duckfies”, (2015).  
Cat minyak atas kanvas, saiz 161.5 cm x 181.5 cm. Sumber: Wei-Ling Gallery (2015).

Seterusnya karya kedua Ruzzeki Harris dalam kajian ini juga merupakan salah satu karya dari pameran ini adalah bertajuk ‘Device’ seperti rajah 3 di bawah. Naratif visual rupa bentuk imejan karya ini secara kreatifnya menterjemah simbol robot yang mewakili android dan sebiji epal yang telah dimakan. Komposisi imejan juga disepadankan beberapa variasi rupa bentuk, garisan dari haiwan yang digambarkan dalam komposisi karya. Beliau menterjemah isu dan tema tentang sifat kepalsuan dan persaingan budaya menerusi trend penggunaan gajet dan peranti khasnya dalam penghantaran status di kalangan pengguna media sosial. Kupasan sumber idea ini adalah Perlambangan visual bagi mewakili secara khusus akan penggunaan sistem operasi familiar yang diguna oleh masyarakat seperti platform Android dan Apple. Signifikan karya adalah dilihat pada penampilan idea karya dalam pameran ini yang menyentuh isu budaya viral yang relevan dengan konteks semasa. Eksposisi catan ini sebagai cerminan makna artistik dari pelukis untuk penghayat seni bagi menyelami mesej secara tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan oleh pelukis.



**Rajah 3.** Ruzzeki Harris. “Device”, (2015).  
Cat minyak, cat aerosol atas kanvas, saiz 161 cm x 235 cm. Sumber: Wei-Ling Gallery (2015).

Selanjutnya, karya ketiga dari beliau dalam kajian ini bertajuk ‘Leka’ yang juga berada dalam pameran yang sama seperti rajah 4 di bawah. Naratif visual karya menunjukkan figura lelaki yang sedang asyik menggunakan telefon pintar dengan gambaran percikan peluru dari garisan pistol yang merungkaikan imej, simbol dan teks seolah-olah keluar dari kepalanya. Karya ini adalah dari perincian skop tema tentang tingkah laku viral dan budaya obses kepada gajet pintar dikalangan masyarakat. Kupasan isu ini sebagai petunjuk atas atau ketaksuban dengan gajet menerusi platform media sosial dikalangan golongan muda yang membuatkan mereka seperti leka seperti dimanipulasikan. Tafsiran makna yang dapat dilihat menerusi



konteks karya ini adalah tentang bagaimana Ruzzeki menyarankan pada masyarakat agar berwaspada dengan setiap perkara melibatkan gajet dan kandungan media sosial yang membina atau sebenarnya boleh membunuh karektor seseorang individu itu sendiri. Menurut Vogeler (2015), pameran ‘gone viral’ oleh Ruzzeki telah merepresentasikan imejan dari imaginasi tanpa sempadan beliau yang menonjolkan kelainan formalistik karya yang tersendiri. Beliau menterjemah imejan yang lahir dari budaya viral semasa yang wujud dalam masyarakat dengan cara menghasilkan tanda visual familiar serta sinonim dengan fenomena kehidupan masakini.



**Rajah 4.** Ruzzeki Harris. “Leka”, (2015).

Cat minyak atas kanvas, saiz 165.5 cm x 171 cm. Sumber: Wei-Ling Gallery (2015).

Tinjauan karya keempat oleh Ruzzeki Harris bagi kajian ini adalah bertajuk ‘DAB’ seperti rajah 5 berikutnya. Gambaran rupa bentuk visual imej menggambar aksi figura remaja wanita yang sedang melakukan gaya yang sedang menjadi ikutan semasa pada suatu ketika dahulu. Ekplorasi gaya formalistik beliau menunjukkan sifat kreatifnya dalam mengolah imej bersifat realistik namun ada bahagian yang ditinggalkan separa siap. Garapan latar yang kosong dengan perletakkan teks mewakili tajuk ini adalah sebenarnya dilihat sebagai biasan dari perkataan ‘DAB’ kepada ‘BAD’ yang bermaksud teruk dari intipati makna tersirat oleh beliau. Naratif penceritaan tema karya ini adalah suatu respon beliau terhadap budaya penggunaan gajet dikalangan kanak bawah umur yang kini berada diluar kawalan normal. Hal yang demikian mungkin terjadi apabila mereka sangat mudah terikut dengan apa sahaja yang menjadi trend dan viral serta mencipta perhatian dalam konteks semasa. Karya ini adalah merupakan salah satu karya yang dipamerkan diperingkat antarabangsa menerusi pameran solo catan yang bertema ‘Possessed: A Series of Visual Critiques’ yang dipamerkan di Taipei World Trade Center, Art Taipei 2016 bersama Artemis Art. Karya Ruzzeki memberikan petunjuk atas tingkah laku viral dan budaya obses serta taksud dengan gajet dan media sosial dikalangan kanak-kanak kini yang membuatkan mereka dimanipulasikan, anti sosial serta seperti dirasuki menjadi zombi di alam nyata (Artemis Art, 2016).





**Rajah 5.** Ruzzeki Harris. “DAB”, (2016).  
Cat minyak, cat aerosol atas kanvas, saiz 130 cm x 130 cm. Sumber: Artemis Art (2016).

Sementara itu, melihat kepada karya kelima yang ditampilkan dalam kajian adalah boleh dirujuk kepada karya bertajuk ‘King Culprit’ seperti rajah 6 di bawah. Gambaran rupa bentuk karya menunjukkan beliau merepresentasi semula aksi oleh figura yang dikenali Raja Bomoh Sedunia. Aksi ritual teropong menggunakan sepasang kayu telah ditukar oleh Ruzzeki kepada sebasang pisang yang bersifat kontras dalam catan bagi melambangkan kejantanan serta hakikat sebenar bahawa raja bomoh ini cukup berani untuk mengejek dirinya depan khalayak awam atas perlakuan aksi ini (Lim, 2017). Naratif sumber tema ini merupakan simbolik kepada rentetan isu ritual perubatan raja bomoh yang viral dan menarik perhatian awam bagi membantu mengesan kehilangan Pesawat Penerbangan Malaysia Airlines (MH370) di ketika itu. Karya ini adalah salah satu karya dari pameran solo Ruzzeki bertemakan ‘Playing God’ yang berlansung di Wei-Ling Gallery pada 2017. Menurut Lim (2017), sebahagian besar karya pameran ini terdiri dari latar seragam gelap dan kemudian diadun bersama warna hijau yang sekaligus mencipta elemen misteri pada bentukan karyanya. Berdasarkan konteks pengisian intipati pameran ini ianya telah menampilkan lapan buah karya yang digarap dengan penuh unsur sindiran terhadap situasi isu berita dan video viral semasa yang tidak menyenangkan semua pihak. Beliau senantiasa menggarap karya yang mencerminkan budaya popular yang lahir dari trend semasa yang dilihat tidak begitu rasional dimatanya.



**Rajah 6.** Ruzzeki Harris. “King Culprit”, (2017).  
Cat minyak, cat aerosol atas kain jut, saiz 195 cm x 130 cm. Sumber: Lim (2017).

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis naratif menerusi kupasan lima buah karya Ruzzeki Harris dalam kajian ini adalah menterjemahkan kecenderungan beliau dalam membuat interpretasi semula berdasarkan isu semasa yang wujud khasnya transisi budaya viral. Eksposisi ini merangkumi olahan bentuk dan makna karya catan menerusi gambaran rupa bentuk, subjek dan objek, individu atau figura yang mewakili trend budaya viral. Cetusan tema fenomena sosial internet dikalangan masyarakat akan sentiasa berubah mengikut konteks dan arus semasa khususnya melibatkan kemudahan platform media sosial. Begitulah juga dengan peranan sebagai seorang pelukis catan kontemporari bagi merepresentasi semula naratif isu ini sebagai suatu karya kritikan sosial.

Kritikan sosial adalah merupakan suatu bentuk sindiran, pandangan sinikal yang lahir secara langsung atau tidak langsung dari permasalahan serta perubahan sosial dan kesedaran kepentingan awam yang berlaku sama ada oleh individu atau masyarakat. Menurut Soekanto, (2012) kritikan sosial adalah merupakan perbuatan atau penilaian ilmiah terhadap budaya sosial disekeliling yang berlaku masyarakat pada suatu ketika. Hal ini juga adalah suatu bentuk cara berkomunikasi atau memberi penilaian, perbandingan atau pendedahan mengenai perihal isu kemasyarakatan dalam konteks semasa yang boleh dilihat menerusi terjemahan karya seni. Sesebuah hasil karya seni visual harus dirungkai dalam konteks pengisian dan pemaknaannya selain dilihat dari aspek estetika, keindahan, kebaikan dan kemamfaatannya kepada masyarakat, latar, peristiwa ataupun masa (Zailuddin et al., 2021).

Rumusannya matlamat penyelidikan ini adalah untuk menghadirkan satu perkongsian idea tentang penyelidikan berlandaskan rangkuman karya dan pelukis rujukan. Terdapat tiga perkara yang digariskan dalam kajian ini iaitu rupa bentuk, tema dan konteks sebagai formulasi alternatif untuk membuat tafsiran pada sesebuah karya catan. Kajian ini juga boleh suatu pendekatan bagi implementasi kajian lanjutan seterusnya yang meliputi hal yang berkait dengan konsep analisis naratif dalam ruang litupan isu dan fenomena semasa dalam bidang disiplin seni halus yang lain seperti seni cetak, arca dan lukisan. Keutamaannya adalah tentang bagaimana integrasi teoritikal idea bersama tinjauan pelukis rujukan ini dapat membantu penyelidikan studio seni halus sekaligus menyumbang kepada percambahan kajian ilmiah dalam bidang akademik seni visual kontemporari di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Adabi, I. (2019, April 13) Kegilaan budaya tular tuntutan kewarasan. Berita Harian. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/04/552417/kegilaanbudaya-tular-tuntutkewarasan>.
- Artemis Art, (2016). Possessed: A Series of Visual Critiques oleh Ruzzeki Harris. Artemis Art. Diperoleh dari <https://www.artemisartgallery.com/possessed-aseries-of-visual-critiques-by-ruzzeki-harris/>.
- Berahir, H., Datoem, A., & Abdillah, N. (2022). The Collective Artistic Identity Of Sebiji Padi Art Group Through Its Artworks.
- Desa, N. E., Muhamad, N. A., Bakar, S. A. S. A., & Tahir, A. (2021). Asas Apresiasi Seni Dari Perspektif Formalistik, Rupa Dan Makna: The Basics Of Art Appreciation From A Formalistic Perspective, Appearance And Meaning. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 97-112.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ho, W. L., Lee, C. F., Chen, C. H., & Yen, J. (2013). Teaching design practice-led research using the form/theme/context/function model to six graduate students. *Bulletin of Japanese Society for the Science of Design*, 60(3), 3\_71-3\_80.
- Ismail, I., & Jusilin, H. (2020). Seni Visual Dalam Konteks Gejala Sosial Di Malaysia: Interpretasi Simbolik Pada Karya Catan Fawwaz Sukri: Visual Art In The Context Of Social Problems In Malaysia: Symbolic Interpretation Of Fawwaz Sukri's Paintings. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.

- Khan, Z. (2014). Moulding the history: grey area in a grey sky. Core Design Gallery. Diperoleh dari <http://malaysiacontemporaryart.coredesigngallery.com/2014/08/01/moulding-history-grey-area-grey-sky/>.
- Khasanah, A. N., & Mansoor, A. (2020). Kajian Fenomena Viral Meme Internet Chuck Norris. *DESKOMVIS: Jurnal Ilmiah Desain Komunikasi Visual, Seni Rupa Dan Media*, 1(1), 89-101.
- Lim, J. (2017) Playing GOD a solo exhibition by Ruzzeki Harris. Wei-Ling Gallery. Diperoleh dari <https://weiling-gallery.com/gallery/wpcontent/uploads/2017/07/e-brochure.pdf>.
- Mefita, S., & Yulianto, M. (2018). Fenomena gaya hidup selebgram (studi fenomenologi selebgram awkarin). *Interaksi Online*, 6(4), 567-573.
- Othman, L. (2018). Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod. Tanjung Malim Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Radzi, F. M., Noh, L. M. M., Abd Razak, H., Dasuki, S., & Karimon, N. A. (2021). Komik/Kartun (Covid-19) Dalam Talian Sebagai Medium Satira Wadah Kesedaran. *Journal of Creative Industries*, 3(8), 49-62.
- Sandell, R. (2009). Using form+ theme+ context (FTC) for rebalancing 21st-century art education. *Studies in Art Education*, 50(3), 287-299.
- Shukri, F. M., & Abdullah, N. A. V. (2016). Ruang, masa dan sebab akibat dalam naratif filem animasi Geng Pengembaraan Bermula. *Jurnal Melayu*, 15(2), 238-249.
- Sitzia, E. (2016). Narrative theories and learning in contemporary art museums: A theoretical exploration. *Stedelijk Studies*, 4, 1-15.
- Sundawa, Y. A., & Trigartanti, W. (2018). Fenomena Content Creator di Era Digital. *Prosiding Hubungan Masyarakat*, 432-437.
- Tariq, Q. (2015, Jun 21). Smell the creativity. The Sebijai Padi art collective returns with a pungent and provocative show. *The Star Malaysia*. Diperoleh dari <https://www.pressreader.com/malaysia/the-star-malaysiastar2/20150621/281578059301598>.
- Vogeler, S. N. H, (2015). Real Wild Child- Ruzzeki Harris Gone Viral (Solo exhibition). Wei-Ling Gallery. Diperoleh dari <https://weilinggallery.com/gallery/wp-content/uploads/2015/07/pubpdf-goneviral.pdf>.
- Zailuddin, M. F. N. O., Datoem, A., Abdillah, N., Ibrahim, Y., & Abdullah, M. (2021). Perubahan sosial: Pengaruh Media Sosial dalam Karya Seni Bakat Muda Sezaman. *Kupas Seni Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*.